



### T.E.R.A.S NILAI UTAMA UKM

Dengan perlantikan YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman sebagai Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1 Januari 2021, Universiti Kebangsaan Malaysia terus diperkasakan dan dimantapkan dengan lima nilai TERAS dan lima Kebitaraan. Ia telah dilancarkan oleh Naib Canselor pada 10b Jun 2021 yang menjadi asas kepada Pelan Strategik TERAS UKM 2021-2025. Nilai TERAS juga menjadi tonggak kepada iltizam warga UKM ke arah menjayakan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), New Deals KPT, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 dan Fokus 6 Strategik KPT.

Lembayung TERAS menjelaskan tentang nilai dan prinsip yang menjadi tunjang kepada perancangan dan pelaksanaan tanggungjawab warga UKM. Nilai dan prinsip ini harus ada dalam semua kebitaraan dan prakarsa UKM yang kemudiannya menjadi asas kepada perancangan strategik, pembinaan gerak kerja dan penentuan Indeks Pencapaian Utama atau KPI. Lembayung TERAS UKM terdiri daripada 5 nilai utama, iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics), Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul) yang berfungsi sebagai gagasan kepada pembangunan universiti.

Pemangkin bagi kelima-lima nilai ini adalah elemen kebitaraan kepada TERAS, iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin. Kebitaraan ini akan menjadi asas kepada semua Pusat Tanggungjawab untuk merangka strategi dan gerak kerja masing-masing berdasarkan prakarsa yang telah dirangka. Cakupan di bawah kebitaraan Watan terdiri daripada 5 prakarsa, iaitu penghayatan Falsafah Universiti, pemerkasaan bahasa Melayu, pemuliharaan Warisan Budaya, pengukuhan Jati Diri dan pemupukan semangat Patriotik. Bagi rangkuman kebitaraan i-Minda pula, ia meliputi prakarsa Advokasi, Inovasi, Ekosistem, Nilai dan Mutu dan Translasi. Liputan Holistik pula meliputi prakarsa Keusahawanan, Kreatif, Kepimpinan, Kerjaya, dan Nilai Murni. Aspek kebitaraan seterusnya Digital meliputi prakarsa Infra dan Info, Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran, Pembudayaan, Kelestarian dan Governan. Kebitaraan Prihatin merupakan yang terakhir dalam nilai TERAS yang meliputi prakarsa SIHAT, Perpaduan, Kebajikan, Kemasyarakatan dan Mesra OKU

TERAS menjadi panduan kepada warga UKM untuk bekerja dalam satu hala tuju berpasukan. Kebitaraan TERAS membolehkan warga UKM memberi fokus terhadap aspek yang dititikberatkan oleh UKM dan daripada kebitaraan ini prakarsa disumbangkan oleh pemikiran ahli akademik dan pentadbiran dalam usaha mencapai visi dan misi universiti.

Berdasarkan intipati yang merangkumi nilai TERAS dan elemen kebitaraan, terdapat dua agenda atau matlamat utama yang perlu dicapai oleh warga UKM iaitu Kebolehpasaran Graduan dan Penjanaan Pendapatan


**PROF DR WAN KAMAL MUJANI**  
**Pro-Naib Canselor**  
**(Strategi dan Pembangunan Korporat)**

## BICARA PERDANA NAIB CANCELOR 2021 NARATIF BAHARU UKM, UNIVERSITI WATAN KITA



YBhg Prof Dato' Ts Dr Mohd Ekhwan Haji Toriman, Naib Canselor UKM telah menyampaikan Bicara Perdana Naib Canselor 2021 yang bertajuk Naratif Baharu UKM, Universiti Watan Kita pada 10 Jun 2021 (Khamis), jam 9.00 pagi secara dalam talian melalui platform aplikasi Zoom dan FB Live.

Bicara Perdana Naib Canselor 2021 adalah perkara yang penting bagi melihat tindakan strategik dan hala tuju universiti. Naib Canselor UKM telah melakarkan lembayung lima nilai T.E.R.A.S iaitu Talent (Bakat), Ethic (Etika), Revitalize (Memperkasa), Agile (Tangkas) dan juga Soul (Jiwa). Lima kebitaraan yakni i-Minda, Watan, Holistik, Digital dan juga Prihatin dan 25 prakarsa baharu UKM telah diperjelaskan secara umum menerusi bicara. Dua agenda utama yang perlu dicapai oleh warga UKM ialah Kebolehpasaran Graduan dan Penjanaan Pendapatan. Hala tuju baharu ini meletakkan UKM kembali kepada fitrah asalnya sebagai sebuah universiti rakyat dan universiti kebangsaan.




Seramai 5154 warga UKM mengikuti secara dalam talian Zoom dan FB Live yang terdiri daripada 3149 orang staf, 1951 pelajar siswazah dan 59 pelajar prasiswazah. Bicara Perdana Naib Canselor 2021 yang disiarkan di FB Live telah dilihat (view) oleh seramai 17 ribu orang dan menerima ulasan sebanyak 2.4 ribu serta menerima like sebanyak 1.7 ribu.

Klip video, bahan pembentangan, buku serta poster rasmi boleh dimuat turun menerusi pautan <https://www.ukm.my/strategi-ukm/teras-naratif-baharu-ukm-universiti-watan-kita/>



## NILAI UKM



**T**

Warga UKM sentiasa mencungkil, menggilap, memantap dan mengembangkan potensi diri ke arah kecemerlangan.

**E**

Warga UKM sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan berasaskan keimanan dan moral.

**R**

Warga UKM sentiasa memperkasa dan mengukuhkan fungsi, peranan, tanggungjawab, kemahiran dan jaringan dalam usaha menjadi hebat serta unggul dalam sesuatu tugas atau bidang.

**A**

Warga UKM sentiasa mempunyai keupayaan untuk terkehadapan dan sentiasa bersiap siaga dalam melaksanakan tugas dengan cepat, cergas dan pantas disertai dengan semangat yang tinggi.

**S**


Warga UKM sentiasa mempunyai jati diri kebangsaan, bersemangat dan beriltizam untuk membangunkan universiti, masyarakat dan negara.

# PELAN STRATEGIK UKM 2021-2025

Pusat Strategi UKM telah mengemaskini Pelan Strategik UKM 2021-2025. Perbincangan dengan Ketua Pengeraju dan PTj telah diadakan untuk menerangkan pelaksanaan Pelan Strategik 2021-2025. Pembentangan Pelan Strategik UKM 2021-2025 mengenai prakarsa, indeks pencapaian utama dan sasaran 2021-2025 kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) akan diadakan tidak lama lagi.

Beberapa siri jerayawara di Fakulti/Institut/Pusat/Kolej Akademia telah dirancang untuk membincangkan pelan tindakan dan memaklumkan kaedah pemantauan aktiviti/program dan penyediaan laporan suku tahun. Pada tahun 2021, data-data yang berkaitan aktiviti/program tertentu akan dijadikan asas dalam menentukan sasaran tahun 2022.

Bengkel Perancangan Strategik 2022 dirancang pada bulan November/Disember 2021 bagi menyediakan pelan tindakan dan menentukann sasaran yang dilatakan untuk setiap Fakulti/Institut/Pusat/Kolej Akademia.






## AKTIVITI PUSAT STRATEGI UKM

1. Bicara Perdana Naib Canselor 2021 secara atas talian pada 10 Jun 2021
2. Pembentangan QS Ranking oleh Timbalan Pengarah Eksekutif (Prestasi & Penarafan) secara atas talian pada 14 Jun 2021
3. Bengkel Pelan Strategik TERAS UKM secara atas talian pada 22 Jun 2021
4. Perbincangan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan UKM secara atas talian pada 24 Jun 2021 anjuran Pusat Karier UKM
5. Perbincangan Mengenai Analitik Data UKM secara atas talian pada 28 Jun 2021
6. Bengkel Pelaksanaan T.E.R.A.S UKM di Kampus Kuala Lumpur pada 1 Julai 2021 secara atas talian anjuran Pejabat Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur (KKL)

## PERPINDAHAN DAN KEMASUKAN STAF DI PUSAT STRATEGI

Pusat Strategi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Mohd, Zaidi Omar, Timbalan Pengarah (Data Strategik) dan Prof. Madya Dr. Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz, Timbalan Pengarah (Kelestarian) yang tamat tempoh pelantikan pada 14 Jun 2021. Begitu juga Puan Zanariah Ismail, Setiausaha Pejabat (N32) yang berpindah ke Fakulti Pengajian Islam pada 7 Jun 2021.

Pusat Strategi juga mengalu-alukan Prof. Madya Dr. Mohd Rizal Palil yang dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Data Strategik) dan Dr. Azmul Fahimi Kamaruzaman yang dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Kelestarian) mulai 15 Jun 2021. Begitu juga Puan Siti Marwany Abdul yang bertugas sebagai Setiausaha kepada Pengarah Eksekutif dan Pro Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat) mulai 8 Jun 2021.



## SIDANG PENGARANG

### Penasihat

Prof. Dr. Wan Kamal Mujani

### Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Shah Zaidi

### Editor

Prof. Madya Dr. Mohd. Rizal bin Palil  
Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin

@ Wan Ibrahim

Dr. Azmul Fahmi Kamaruzaman  
Tuan Haji Zanudin Mohd. Daud  
Puan Nor Saribon Ramli

### Reka Bentuk

Encik Barudin Baharin

## HUBUNGI

Pusat Strategi UKM  
Aras 3, Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89213856

Faks : 03-89214590

[www.ukm.my/strategi-ukm](http://www.ukm.my/strategi-ukm)

Sekiranya anda mempunyai sebarang bahan sama ada berbentuk artikel ataupun gambar (resolusi tinggi), mohon dapat majukan bahan tersebut ke alamat e-mel [tpepp@ukm.edu.my](mailto:tpepp@ukm.edu.my)

ISSN 2289-9200



9 772289 920003